

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **TIAN CHUA**
KAWASAN : **BATU**
TARIKH : **4.4.2016 (Isnin)**
NO. SOALAN : **~~520~~ 510**

YB TIAN CHUA minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai kesemua undang-undang yang perlu dipinda untuk mematuhi syarat-syarat TPPA yang telah ditandatangani. Bilakah undang-undang ini akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mematuhi komitmen Malaysia di dalam Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA), senarai undang-undang dan peraturan yang perlu dipinda adalah seperti berikut:

- 1) Akta Kastam 1967;
- 2) Akta Zon Bebas 1990;
- 3) Akta Tanda Niaga 1976;
- 4) Akta Paten 1983;
- 5) Akta Hakcipta 1987;
- 6) Akta Indikasi Geografikal 2000;
- 7) Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan Baru 2004;
- 8) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;
- 9) Akta Kesatuan Sekerja 1958;
- 10) Akta Perhubungan Perusahaan 1967;
- 11) Akta Kerja 1955;
- 12) Akta Pasport 1966;
- 13) Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990,
- 14) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981;
- 15) Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007;
- 16) Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966;
- 17) Ordinan Buruh Sabah (Cap. 67)
- 18) Ordinan Buruh Sarawak (Cap. 76);
- 19) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;

2. Pindaan dan penambahbaikan ke atas akta-akta dan peraturan berkenaan perlu dilakukan dalam tempoh 2 tahun selepas perjanjian ini ditandatangani. Sehubungan dengan itu, cadangan ke atas pindaan-pindaan yang berkaitan akan dibentangkan di Parlimen oleh Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab pada tahun ini dan tahun hadapan. Pada masa ini, Kementerian yang berkaitan sedang dalam proses konsultasi bersama pihak-pihak yang berkaitan, termasuk pihak industri. Pejabat Peguam Negara mempengerusikan jawatankuasa yang akan membuat pindaan supaya ianya selari dengan komitmen Malaysia dalam TPPA.

Sekian, terima kasih.